



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SEBANYAK 12,800 PERJAWATAN DIWUJUDKAN SECARA BERFASA BAGI PELANTIKAN TETAP PEGAWAI PERUBATAN KONTRAK

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri atas keprihatinan dan kesungguhan membantu KKM menangani isu peluang pekerjaan secara tetap dalam kalangan Pegawai Perubatan lantikan kontrak di KKM.

Semasa sesi soal jawab di Parlimen pada 4 April 2023, YAB Perdana Menteri telah sudi mengumumkan langkah untuk mewujudkan hampir 12,800 perjawatan tetap secara berperingkat dalam tempoh tiga (3) tahun hingga menjelang tahun 2025. Dengan langkah mewujudkan perjawatan ini, sasaran pelantikan secara tetap adalah meliputi pegawai perubatan yang telah menamatkan latihan siswazah dan berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia serta memenuhi syarat pelantikan secara tetap. Dalam hal ini, KKM komited dan akan menyusul perkara ini agar urusan perjawatan dan pelantikan dapat diuruskan secara teratur dan berkesan dalam tempoh tersebut. Keseluruhan kos tambahan bagi urusan ini adalah sekitar RM1.7 bilion.

Selain daripada itu, KKM juga sedang memperhalusi isu-isu yang lain berkaitan pegawai perubatan kontrak termasuk maklum balas yang dikumpul semasa sesi Townhall pada 22 Februari 2023 yang lalu. Perkara ini akan dibentangkan ke hadapan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Committee-HLC*) yang telah ditubuhkan berdasarkan keputusan Kerajaan pada 31 Mac 2023.

Sepertimana yang diumumkan, Kerajaan juga sedang mengkaji pemanjangan elaun *locum* kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional di KKM selain Pegawai Perubatan. Di samping itu, KKM masih meneruskan pelantikan kontrak bagi tujuan latihan siswazah (*housemanship*) yang turut memberi implikasi kepada peningkatan kos emolumen KKM pada setiap tahun.

KKM berharap langkah penambahbaikan ini terus menjadi pemangkin bagi meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat Malaysia MADANI ke arah mewujudkan masyarakat yang sihat sejahtera.

YB Dr. Zaliha Mustafa
Menteri Kesihatan Malaysia

5 April 2023

